

CNS5028

U GR 18-05 00182 BA604

Aah

Mahathir - EARG '11

T

KUALA LUMPUR, 18 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menjawab dakwaan Naib Presiden Amerika Syarikat Dan Quayle bahawa sebarang kumpulan ekonomi yang tidak memasukkan Amerika akan +memberi kesan sebaliknya+, menegaskan hari ini bahawa Kesatuan Eropah (EC) juga tidak disertai oleh Amerika.

+ECpun tanpa Amerika Syarikat. Jika kita suka, kita boleh mengadakan sebuah kumpulan ekonomi dunia,+ kata Perdana Menteri.

+Sebuah kumpulan ekonomi dunia bermakna tidak ada sekatan terhadap perdagangan. Kita inginkan perdagangan tanpa sekatan.+

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika menjawab soalan-soalan pemberita selepas mengucapkan selamat jalan kepada rakan sejawatannya dari Republik Persekutuan Czech dan Slovak, Dr Marian Calfa, di Carcosa Seri Negara, di sini. Dr Calfa, yang tiba di sini semalam, kemudian berlepas ke Pulau Pinang.

Ketika ditanya sama ada Malaysia akan mengkaji penglibatan Amerika Syarikat dalam Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EARG) yang dicadangkan oleh Malaysia berikutan kenyataan Naib Presiden Amerika itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau bukan orangnya untuk membuat keputusan.

+Asean perlu menimbangkan kenyataan itu,+ katanya. -- Lagi.

♥18/05/18-16MST

CNS5031

U GR 18-05 00124 BA605

Aah

Mahathir - EARG 2 Kuala Lumpur '11

Dalam satu taklimat kepada wartawan Asia di Washington pada hari Khamis sebelum lawatan keempatnya ke Asia, Naib Presiden Quayle, sebagai menyentuh mengenai EARG, berkata bahawa sebuah kumpulan ekonomi Asia yang mengetepikan Amerika Syarikat akan +memberi kesan sebaliknya+ dan Amerika tidak suka diketepikan daripada menyertai sebarang rundingan pembangunan ekonomi.

Ketika ditanya sama ada beliau rasa kenyataan Encik Quayle angkuh, Perdana Menteri berkata: +Saya tidak ada pendapat.+

Mengenai laporan-laporan yang menyebut Encik Quayle mengucapkan terima kasih kepada beberapa pemimpin Asean kerana menolak cadangan Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir berkata sepanjang yang diketahuinya, semua pemimpin Asean menyokong cadangan itu.

+Mungkin ada perkara yang saya tidak tahu,+ kata beliau. -- Bernama.

♥18/05/18-25MST